

Kejohanan Balapan dan Padang Sekolah-Sekolah Labuan Bermula



29 Mac 2017 – Maitah badudun ke Kejohanan Balapan dan Padang Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) 2017 bermula hari ini sehingga 1 April (Sabtu petang, Majlis Penutupan) di Kompleks Sukan Labuan.

Dalam ucapan perasmian, Pengarah Pendidikan Negeri, Encik Raisin Saidin mengharapkan para atlet dapat memupuk semangat juang tinggi, semangat kesukanan, mengembangkan bakat dan minat serta kebolehan masing-masing yang akhirnya memperoleh kejayaan membanggakan.

Beliau mendoakan para atlet semoga berjaya bukan sahaja di peringkat Labuan malah boleh mencapai kejayaan sehingga peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mengharumkan nama Labuan.

Sementara itu, Pengelola bersama Encik Sahar Misron, Pengetua SMK Pantai IBWS dan Puan Mahani Hj Hussin, Guru

Besar SK Pantai berharap kejohanan ini dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Kejohanan balapan dan padang dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kerjasama dan komitmen setiap AJK dari semua sekolah di Labuan.



Gambar Kenangan : Encik Raisin Saidin bersama para atlet SMK Mutiara

“Kepada para ibubapa dan masyarakat sekitar Labuan, maitah badudun ke Kompleks Sukan Labuan bagi memberi sokongan dan memeriahkan lagi Kejohanan Balapan dan Padang Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan 2017”, demikian kata-kata promosi dari Ketua Unit Sukan JPWPL Encik Ag. Mohd Zain Ag Anak.

“MAITAH BADUDUN KE MSSWPL, KOMPLEKS SUKAN LABUAN 29 MAC – 1 APR 2017”



Acara saringan balapan 100 meter Kategori Sekolah Rendah